

# 'Pejuang bergaji' gadai nyawa

Buruh kanak-kanak di Yaman terpaksa hadapi bahaya cari wang menyara hidup

Harian metro 19/08/2010 MSL V17


**T**erdapat lebih daripada 200 kanak-kanak digunakan dalam penyeludupan dadah ke Arab Saudi dengan ganjaran sejumlah kecil wang yang diberikan kepada kanak-kanak itu," kata Ketua Seyaj, Ahmed al-Qurashi.

Kerajaan menyedari masalah membabitkan buruh kanak-kanak itu.

Pengarah Pertahanan Sosial, Kementerian Hal Ehwal Sosial dan Buruh, Adel al-Sharaabi, menyatakan punca masalah buruh kanak-kanak itu adalah kemiskinan di negara berkenaan.

"Satu-satunya penyelesaian kepada masalah ini adalah meningkatkan ekonomi Yaman," tambahnya.

Tetapi dengan keadaan negara miskin itu yang menghadapi pelbagai cabaran ekonomi yang agak genting serta bergelut untuk mengekalkan kestabilan keselamatan dan politik ketika ia cuba menghapuskan rangkaian puak ekstremis,



nasib kanak-kanak Yaman itu kelihatan tidak menjadi keutamaan kerajaan.

Satu kajian yang dijalankan unit buruh kanak-kanak kementerian berkenaan pada Jun lalu melaporkan 192,000 kanak-kanak kini bekerja dalam sektor pertanian. Disebabkan penggunaan racun serangga secara berterusan, kanak-kanak terbahit cenderung untuk

mendapat ruam kulit, buta, asma dan jangkitan paru-paru.

Hampir separuh daripada kanak-kanak yang bekerja dalam bidang pertanian mempunyai masalah jangkitan kulit manakala selebihnya menghadapi masalah radang dan jangkitan usus.

Kira-kira 50,000 kanak-kanak itu bekerja sebagai petani di Hajja, 38,000 di Ibb, 27,000

di Zamar, 28,000 di Amran dan 20,000 lagi kanak-kanak bekerja di Al-Hudaydah, menurut kajian berkenaan.

"Pertanian yang dulunya dianggap salah satu kerja paling selamat, kini menjadi salah satu kerja paling berbahaya disebabkan racun serangga beracun dan boleh mengakibatkan barah," kata Qurashi.

Selepas perladangan, kedai

memperbaiki kenderaan meng-gajikan jumlah terbesar buruh kanak-kanak.

"Terdapat peningkatan ketara dalam buruh kanak-kanak disebabkan peningkatan kadar kemiskinan dan pengangguran.

"Dalam keadaan sedemikian, lebih ramai kanak-kanak melakukan apa saja pekerjaan tanpa mengira bahaya pekerjaan itu," kata Qurashi.

**SUDAH NASIB...**  
sekumpulan kanak-kanak di Yaman duduk di kaki lima untuk menjual sejenis daun narkotik, qat di Sanaa.

Kanak-kanak juga dibayar untuk bekerja sebagai 'pejuang bergaji' di bahagian utara Yaman, sama ada berjuang bersama puak yang disokong kerajaan melawan puak Syiah Zaidi atau sebaliknya, di kubu kuat Saada, kata Qurashi.

Menurut Qurashi, kerajaan memang menyedari keadaan itu.

Selain bekerja sejak usia muda, kanak-kanak Yaman juga berhadapan dengan bahaya akibat kelaparan.

"Separuh daripada kanak-kanak Yaman mengalami masalah kurang zat yang kronik dan satu daripada 10 orang tidak dapat hidup hingga ke usia lima tahun," lapor Program Makanan Sedunia.

Menurut laporan berkenaan, keadaan kekurangan zat makanan kronik yang sangat mengancam itu adalah kedua selepas Afghanistan yang

menghadapi masalah kurang berat badan adalah ketiga tertinggi di dunia selepas India dan Bangladesh. - AFP